

# Hadiah RM130,000 jadi rebutan

Sinar Harian 27/6/2019 M/S 22

Pertandingan memancing di pantai Teluk Lipat tawar hadiah lumayan

FARAH SHAZWANI ALI

DUNGUN

**H**adiah bernilai lebih RM130,000 bakal menjadi rebutan pemancing dalam pertandingan 'Tourism Malaysia Surfcasting Tour, A Journey To Visit Malaysia 2020' yang akan berlangsung di Pantai Teluk Lipat, Dungun Sabtu ini.

Pertandingan anjuran bersama Tourism Malaysia dan Wakjali Event Management itu bertujuan mempromosikan lokasi pelancongan menarik sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

Ia turut mendapat sokongan Kerajaan Terengganu, Jabatan Pelancongan Terengganu dan Majlis



Ahmad Shahruinizam Mohamad, menunjukkan empat ikan gerung belang yang dipancing di pantai Teluk Lipat baru-baru ini.

Perbandaran Dungun (MPD).

Pengurus Wak Jali Event Management, Md Zali Kasran berkata, pertandingan itu yang masuk siri keempat selepas Melaka, Kelantan dan Selangor, akan bermula pada jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Menurutnya, pantai

Teluk Lipat sangat terkenal sebagai lokasi pertandingan memancing berikut pantai yang panjang serta kemudahan logistik yang banyak, khususnya homes-tay dan hotel.

"Pantai ini terkenal dengan pelbagai spesis ikan berkualiti tinggi seperti gerung belang, ebek, haruan tasik, pari, ketuka, ge-

lama, ikan yu dan lain-lain. "Semua spesis ikan ini sampai ke Pantai Teluk Lipat mengikut musim tertentu.

"Bila tiba musim gerung belang, spesis ini mudah diperoleh pemancing pantai," katanya.

Beliau berkata, bagi pertandingan ini penganjur akan membuka kawasan memancing sepanjang 2.3 kilometer bermula dari muara Sungai Sura hingga ke jeti nelayan.

Katanya, hadiah lumayan ditawarkan iaitu wang tunai RM70,000 untuk juara, RM12,000 bagi tempat kedua dan RM5,000 bagi tempat ketiga.

"Pemenang tempat keempat bakal membawa pulang RM1,000, kelima (RM700), keenam hingga ke-10 (RM450) manakala pemenang ke-11 hingga 100 bakal membawa pulang wang tunai RM300.

"Turut ditawarkan, sebuah televisyen LED 60 inci dan empat TV LED 32 inci, 20 hamper dan 10 barang Igloo sebagai hadiah cabutan bertuah serta 1,000 t-shirt untuk peserta

yang mendaftar awal," katanya.

Md Zali berkata, yuran peyertaan hanya RM80 untuk satu joran dan peserta dibenarkan menggunakan dua joran sahaja.

"Kaunter pendaftaran 24 jam akan dibuka di lokasi pertandingan pada jam 3 petang, Jumaat ini.


"Pertandingan adalah berasaskan ikan terberat dengan beberapa spesis ikan tidak dipertandingkan seperti todak dan kerupu,"

katanya.

Bagi memastikan kebersihan, katanya, pihak penganjur akan melakukan kutipan sampah sejurus pertandingan berakhir.

"Peserta juga digalakkan untuk membawa pulang sampah atau memasukkan terus ke dalam tong sampah yang disediakan," katanya.

Sebarang maklumat lanjut boleh hubungi 019-6203040, 012-2141401 dan 013-3838655.



Ikan pari yang dipancing di Pantai Teluk Lipat.